



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## HARI TANDAS SEDUNIA

**T**andas awam merupakan suatu keperluan asas yang paling penting bagi sesebuah negara. Tandas awam memainkan peranan utama bukan sahaja sebagai keperluan malah sebagai faktor naik turun imej sesebuah negara itu. Di era globalisasi ini, kemudahan tandas awam menjadi begitu penting dalam menampung keperluan asas manusia.

Sempena sambutan Hari Tandas Sedunia, DBKL turut meraikannya pada 23 November 2005 di Lanai Seni Jalan Tuanku Abdul Rahman. Ketua Pengarah DBKL, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan DBKL serta ahli-ahli perniagaan hadir pada hari pelancaran tersebut.

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Datuk Bandar, “Dari sudut pelancongan, kemudahan asas ini memberikan impak terkehadapan dalam menilai status kemajuan dan kesesuaian sesebuah negara itu. Begitu juga sektor perkhidmatan, seni, lapangan terbang, perhentian awam, hotel, restoran, taman rekreasi dan rawat (R&R), pusat-pusat membeli-belah dan sistem-stesen minyak”.

Menurut Datuk Bandar lagi, di sektor pendidikan, di sekolah dan institusi pengajian tinggi, kemudahan tandas awam tidak kurang pentingnya sebagai kemudahan asas bagi penuntut-penuntutnya. Turut diberi perhatian ialah di taman-taman awam dan kawasan riadah yang menjadi tumpuan orang ramai, aspek kebersihan dan penyenggaraan perlu mendapat perhatian utama serta penekanan sewajarnya pada setiap masa.

Di negara ini banyak rungutan tentang keadaan tandas awam yang kotor dan menjijikkan. Berbagai program telah dianjurkan oleh kerajaan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan orang ramai supaya tandas awam dijaga dengan baik dan bersih. Sebagai PBT, DBKL dipertanggungjawabkan untuk memantau dan memastikan keadaan semua tandas awam di Kuala Lumpur sama ada yang dibina sendiri atau tidak dalam keadaan baik dan bersih. Daripada Januari hingga Oktober 2005, daripada 3261 buah tandas awam pelbagai jenis, 546 telah dikeluarkan notis perintah, 33 buah dikompaun dan 513 diberikan amaran dan nasihat.

Pemilik tandas awam di gedung-gedung dan premis perniagaan yang besar seperti kompleks membeli-belah disaran supaya sentiasa memastikan kemudahan yang disediakan di premis mereka mencukupi untuk kegunaan para pelanggan. Adakalanya kunjungan pelanggan yang sesak boleh menyebabkan kebersihan tandas terjejas dan tidak dapat diselenggara serta dibersihkan dengan sempurna.

Masalah lain yang kerap berlaku di tandas awam ialah kegiatan vandalisme. Peralatan yang sering dirosakkan ialah seperti kepala paip, cermin dipecahkan, graffiti (contengan di dinding dengan perkataan lucah dan sebagainya) dan lain-lain. Keadaan seumpama ini sering berlaku di semua tandas tidak kira tandas awam atau pun swasta.

Datuk Bandar turut menyeru agar semua orang menanam sikap prihatin dan menganggap kemudahan yang telah disediakan adalah untuk keperluan semua. Datuk Bandar juga meminta kerjasama orang ramai untuk sama-sama menjaga dan menggunakan tandas awam dengan baik dan cermat sepertimana di rumah kerana semua yang dilakukan adalah bermula dari rumah. Jika kita sendiri tidak menyumbang kepada keadaan bersih dan selesa selepas menggunakannya, sudah pasti kita juga tidak akan menghadapi masalah untuk menggunakannya suatu hari nanti. Jika semua pengguna dapat menanam sikap kesedaran sivik yang baik ini, masalah tandas awam kotor dan menjijikkan akan menjadi satu sejarah lampau.

Sempena Pelancaran Hari Tandas Sedunia peringkat Kuala Lumpur, DBKL telah menubuhkan satu pasukan yang dikenali sebagai Pasukan Penguatkuasaan Pembersihan Tandas Awam DBKL yang dianggotai oleh lapan orang kakitangan termasuk seorang penyelia bertindak membersihkan tandas awam terutama yang dimiliki swasta sekiranya pemilik tersebut mengabaikan kebersihan tandas mereka. Pemilik tandas akan dikenakan caj tuntutan ke atas kerja-kerja pembersihan tersebut. Peruntukan bagi mengenakan caj ini termaktub di bawah Seksyen 85 (4) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Mengakhiri ucapan, Datuk Bandar menyeru sekali lagi supaya semua pihak bersama-sama meningkatkan tekad dan kesedaran dalam memastikan tandas awam sentiasa berada dalam keadaan baik, bersih dan selesa digunakan. Diharapkan dengan adanya komitmen daripada semua pihak, ianya dapat meningkatkan imej negara di mata dunia, terutamanya dalam menuju Wawasan 2020- Malaysia sebuah negara maju dan bagi Kuala Lumpur kebersihan tandas dapat menyumbang ke arah mengekalkan statusnya sebagai Bandaraya bertaraf dunia.

## Dari Meja Datuk Bandar

Hari Tandas Sedunia  
Kebersihan -  
Tanggungjawab  
Bersama



Tandas Awam merupakan suatu keperluan asas amat penting di sesebuah negara. Kemudahan asas ini memainkan peranan utama

bukan sahaja sebagai suatu keperluan malah keadaannya boleh meningkatkan atau menjejaskan imej sesebuah negara. Kemudahan tandas awam telah menjadi begitu penting dalam menampung keperluan asas untuk manusia.

Justeru itu, semua tempat yang terdapat kemudahan tandas awam perlulah diberi perhatian utama serta penekanan sewajarnya pada setiap masa terhadap aspek kebersihan dan penyenggaraan tandas awam ini. Telah terlalu banyak rungutan dan sungutan yang kita dengar tentang keadaan tandas awam yang kotor dan menjijikan walaupun pelbagai program telah dianjurkan oleh kerajaan untuk membangunkan kesedaran di kalangan semua pihak supaya memastikan tandas awam dijaga serta disenggara dengan baik dan bersih.

Saya menyeru semua pihak yang berperanan menyediakan, menyenggara, membersihkan serta memantau tandas awam supaya sentiasa memberikan perhatian serta penekanan ke atas aspek kebersihan dan keselesaan kemudahan ini. Ini tidak ketinggalan kepada pihak swasta seperti hotel, perhentian pengangkutan awam, restoran dan kompleks membeli-belah yang selalunya berada di barisan hadapan menerima pelancong dari dalam dan luar negara. Mereka juga disaran supaya sentiasa memastikan kemudahan yang disediakan di premis mereka mencukupi untuk kegunaan para pelanggan.

Sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan, DBKL telah dipertanggungjawabkan untuk memantau keadaan dan kebersihan semua tandas awam di Kuala Lumpur sama ada yang dibina dan disenggarakan sendiri mahupun yang dimiliki oleh pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Dalam menunaikan tanggungjawab ini, dari Januari hingga Oktober 2005,

daripada sejumlah 3261 tandas awam yang diperiksa, DBKL telah mengeluarkan sejumlah 546 notis-notis iaitu 33 kompaun dan 513 amaran dan nasihat. Daripada statistik ini, jelas menunjukkan tahap kesedaran terhadap budaya kebersihan dan penyenggaraan tandas awam daripada semua pihak masih lagi rendah dan mengecewakan.

Di pihak orang ramai pula, saya suka menyeru agar mereka memberi kerjasama menjaga dan menggunakan tandas awam dengan baik dan cermat agar tandas tersebut siapsiaga untuk digunakan. Jika kita sendiri tidak menyumbang kepada keadaan bersih dan selesa selepas menggunakannya, sudah pasti kita juga akan menghadapi masalah untuk menggunakannya suatu hari nanti. Jika semua pengguna dapat menanamkan sikap kesedaran sivik yang baik ini, saya percaya masalah tandas awam kotor dan menjijikan akan menjadi satu sejarah lampau.

Tandas awam juga sering menjadi sasaran kepada masalah vandalisme. Kerosakan peralatan di dalam tandas seperti kepala paip dirosakkan, cermin muka pecah, contengan perkataan-perkataan yang tidak baik di dinding-dinding dan sebagainya telah acap kali didengar. Mengapakah masalah ini masih berlaku sedangkan kita sedang menuju ke arah Bandar Raya Bertaraf Dunia? Apakah gunanya Bandar Raya Bertaraf Dunia jika mentaliti warganya masih rendah dan mundur? Kita mestilah menanamkan sikap bahawa sesuatu kemudahan itu disediakan untuk kegunaan kita. Sanggupkah kita merosakkan kemudahan yang disediakan untuk kita...?

Sempena Pelancaran Hari Tandas Sedunia, saya menyeru agar kita semua sama-sama meningkatkan tekad dan kesedaran dalam memastikan tandas awam kita sentiasa berada dalam keadaan baik, bersih dan selesa digunakan. Dengan adanya komitmen daripada semua pihak, ianya dapat meningkatkan lagi imej Negara kita di mata dunia, lebih-lebih lagi dalam kita menuju Wawasan 2020 - Malaysia sebagai sebuah negara maju. Bagi Kuala Lumpur khususnya, kebersihan dan keselesaan tandas awam dapat menyumbang ke arah pewujudan persekitaran hidup berkualiti selaras dengan wawasan untuk menjadi sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia.

### Pandangan

Berita Bandaraya / KL City News akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai lainnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya / KL City News Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur. e-mel akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9067 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

### Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan  
Ketua Editor: Tuan Hj. Salleh Bin Yusup Editor:  
Hanim Binti Hj. Hashim Sub-Editor: Suriyana Binti  
Ismail Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor

## From the Mayor's Desk

### World Toilet Day Cleanliness – Responsibilities for All

Public toilets are one of the most important public amenities to a country. The condition of public toilets could make or break a country's image. Public toilets play an important role in fulfilling people's basic necessities.

Therefore, all places with public toilets should stress on toilets' cleanliness and management at all times. There are still numerous complaints received from the public regarding the dismal condition of public toilets even though many campaigns have been organized by our government to increase awareness among all parties involved.

I urge all parties involved in providing, managing, cleaning and monitoring public toilets to always concentrate on comfort and cleanliness of the toilets. This also includes private sectors such as hotels, public transport stops, restaurants and shopping complexes which are front liners in receiving local and foreign tourists. They should also ensure the amenities provided at their premises are sufficient to the customers.

As a local authority, City Hall is responsible for monitoring the condition and cleanliness of all public toilets in Kuala Lumpur regardless of its ownership. This includes public toilets that are built and managed by City Hall, private sectors or other government agencies. From January to October 2005, 3261 public toilets have been inspected. A total of 546 notices, 33 compounds and 513 warnings and advices were issued. From

these statistics, it is clear that our awareness on cleanliness and proper management of public toilets are still low.

To the public, I hope that they cooperate in keeping the toilets clean and using the toilets with care so that the toilets are always available and in working conditions. If we do not contribute in keeping the toilets clean and comfortable, we will surely face difficulties and discomfort the next time we use them. If all users could be civic minded, I am confident that the dismal condition of public toilets would be things of the past.

Toilets are also targets for vandalism. We always heard complaints on damaged appliances such as broken mirrors and taps and graffiti on the toilets' walls. Why are we still facing these problems when we are striving to be a World Class City? What is the meaning of becoming a World Class City if the mentalities of our citizens are still backward? We have to inculcate in ourselves that all amenities are provided for our convenience. Would we be willing to damage amenities that are provided for us?

In conjunction with World Toilet Day, I appeal to all parties to increase our awareness in ensuring that public toilets are always clean and comfortable. With commitments from all, our image to the world would be improved in line with our effort in achieving Vision 2020 – Malaysia as a developed nation. As for Kuala Lumpur, having clean and comfortable public helps to contribute towards achieving a high quality of living environment in line with the vision to become a World-Class City.

## EDITORIAL BOARD

**Advisor:** Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan, **Editor in Chief:** Tuan Hj. Salleh Bin Yusup **Editor:** Hanim Binti Hj. Hashim, **Sub-Editor:** Suriyana Binti Ismail **Photographer** Abd. Rhani Bin Md. Shohor, **Editor's Address** Kuala Lumpur City News Public Affairs & International Unit, Level 5, City Hall Building, Jalan Raja Laut, 50350, KL Tel : 03 2617 9067 Fax: 03 2694 1373 e-mail : akhbar@dbkl.gov.my